

PM sahkan tiada rombakan Kabinet susulan pemilihan parti

Anwar tegaskan hanya lihat prestasi tugas pemimpin bukan percaturan politik

Oleh Latifah Arifin dan A'qilah Riduan
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengesahkan tidak akan melakukan rombakan Kabinet Kerajaan Perpaduan susulan keputusan Pemilihan PKR 2025 bagi peringkat cabang yang berakhir kelmarin.

Perdana Menteri yang juga Presiden PKR menjelaskan bahawa soal itu tidak timbul kerana pemilihan berkenaan terkait dengan pengundian dalaman parti PKR saja.

“Tiada (rombakan Kabinet). Ini soal parti, tidak timbul soal kerajaan negeri atau Persekutuan. Ia berjalan seperti biasa.

“Saya melihat dari segi prestasi masing-masing dan bukan percaturan politik,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di pekarangan bangunan kementerian itu, di sini, semalam.

Yang hadir sama, Menteri Pen-

didikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Timbalannya, Datuk Mustapha Sakmud dan Ketua Setiausaha KPT, Datuk Dr Anesee Ibrahim

Pemilihan PKR 2025 bagi peringkat cabang merangkumi Angkatan Muda Keadilan (AMK) dan Wanita, mencatat kejutan apabila beberapa ‘nama besar’ serta berjawatan dalam kerajaan, termasuk penyandang yang bertanding, disahkan tewas.

Antara mereka ialah Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad; Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Akmal Nasrullah Mohd Nasir; Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abd Halim serta Timbalan Menteri Perpaduan, K Saraswathy.

Bukan itu saja, keputusan pemilihan kali ini turut menyaksikan ‘angin perubahan’ berikutan terdapat calon muka baharu berjaya melakar kemenangan.

Anwar berkata, pada hematnya pemilihan PKR 2025 bagi peringkat cabang berjalan lancar walaupun timbul isu berkaitan ketelusan keputusan serta proses pemilihan.

Malah, katanya, pimpinan dan calon yang bertanding diberikan peluang untuk mengemukakan sebarang pertikaian berhubung proses pemilihan.

“Pemilihan parti dijalankan



Anwar beramah mesra dengan tetamu yang hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Kementerian Pendidikan Tinggi, di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

dengan baik, ada beberapa masalah dan kemusykilan boleh dibangkitkan dalam mesyuarat khas pada Rabu,” katanya.

Kelmarin, Setiausaha Agung PKR, Dr Fuziah Salleh, mengesahkan satu mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat (MPP) parti itu akan diadakan Rabu ini susulan bantahan dan dakwaan memper-

soalkan ketelusan keputusan Pemilihan PKR 2025.

Katanya, mesyuarat itu diadakan atas permintaan ahli MPP dengan notis tujuh hari sudah dikeluarkan kepada semua ahli MPP

Sebelum ini, beberapa calon pada Pemilihan PKR 2025 memaklumkan mengemukakan rayuan rasmi kepada Jawatankua-

sa Pemilihan Parti (JPP) susulan terdapat pihak yang mempersoalkan ketelusan keputusan serta proses pemilihan terbabit.

Antara calon yang berbuat demikian adalah Nik Nazmi yang gagal mempertahankan jawatan Ketua Cabang Setiawangsa apabila tewas kepada pencabarnya, Datuk Afdlin Shauki.